

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 17 OKTOBER 2015 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Pelajar perlu bersedia hadapi sistem ekonomi digital: Madius	New Sabah Times
2	MOSTI perkenal program Singgah Sains	Utusan Borneo
3	Tangau urges student to prepare for era of digital economy	New Sabah Times
4	Abaabazan Singgah Sains popingkavas kaanangan doid mato balajalan sains	New Sabah Times
5	Program Singgah Sains	Sin Chew Daily
6	Teknologi kesihatan perlu dilonjak	Utusan Malaysia
7	MOSTI galak penyelidikan dalam bidang pengurusan kesihatan	Utusan Borneo
8	RM500,000 biaya projek atasi jerebu	Berita Harian
9	'Solve haze through innovation'	New Straits Times
10	Polytechnic KK's winning innovation to showcase in S Korea	New Sabah Times
11	Inovasi mantad Politeknik Kota Kinabalu mongobi' Malaysia kumaa Korea	New Sabah Times
12	National Innovation Competition on Teaching & Learning in Electrical Engineering 2015 (NICTEE)	Sin Chew Daily
13	Strong winds, rough seas off west Sabah until Tuesday	Daily Express
14	Peralihan monsun bantu pulihkan cuaca	Berita Harian
15	MIMOS cadang kerajaan bangunkan pangkalan data maya khas untuk wanita	Bernama.com
16	Jabatan Kimia Malaysia sahkan mayat Ika dan rangka Juvina	Bernama.com
17	Penantian 53 hari berakhir - Polis	Utusan Malaysia
18	DNA test confirm body, skeletal remains belong to Ika and Juvina	New Sabah Times
19	Myvi kuning dan pajero berlanggar secara bergeser – Ahli Kimia	Bernama.com
20	Tidak berlaku hentaman dari belakang – Ahli Kimia	Utusan Malaysia

21	Malaysia boleh tarik diri jika 'Kurang Selesa' dengan TPPA - Mustapa	Bernama.com
22	Angin kencang, laut bergelora berterusan sehingga selasa	Bernama.com
23	Amaran angin kencang dan laut bergelora – Jabatan Meteorologi	Bernama.com

Pelajar perlu bersedia hadapi sistem ekonomi digital: Madius

TUARAN: Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) Datuk Seri Wilfred Madius Tangau (gambar) menasihatkan pelajar agar bersiap sedia mulai sekarang untuk menghadapi ekonomi digital melalui penerokaan sains dan teknologi.

Katanya penguasaan generasi muda dalam bidang berkenaan perlu terutama menjelang 2020 apabila perniagaan hanya dijalankan melalui dunia maya.

"Kerajaan menyasarkan 60 peratus daripada pelajar mengambil sains dan ini adalah sebahagian daripada sasaran yang telah ditetapkan oleh kerajaan untuk mencapai wawasan 2020. Setibanya 2020, Malaysia akan menjadi sebuah negara maju dalam bidang sains," katanya kepada pemberita selepas penyampaian kit pendidikan sempena Program Singgah Sains di Sekolah Kebangsaan Lokos, dekat sini kelmarin.

Madius yang juga Anggota Parlimen Tuaran berkata pada masa kini aplikasi untuk mengesan keaslian spesies durian Musang King adalah antara aplikasi dig-



ital yang telah digunakan dan merupakan antara perkara baharu dalam ekonomi digital.

Aplikasi itu dapat menyimpan data yang diperoleh dengan tersusun.

Tambahnya, MOSTI juga mewujudkan sebuah aplikasi berdasarkan web untuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) yang membolehkan pelanggan yang berada di luar negara mendapatkan produk tempatan.

Mengenai program sehari itu, Madius berkata ia melibatkan 143 pelajar dari sembilan sekolah rendah di Tuaran dan julung kali diadakan di Sabah oleh Pusat Sains Negara (PSN).

Katanya program itu dilaksanakan bagi menarik minat para pelajar sekolah, khususnya di luar bandar dan pedalaman, untuk mempelajari sains.

"Aktiviti ini dirangka untuk meningkatkan pemikiran kritis dalam kalangan pelajar selaras dengan usaha PSN memperkenalkan pembelajaran sains tidak formal berkoncepcian sains, teknologi, kejuruteraan, seni dan matematik," katanya.

Antara aktiviti dijalankan termasuk 'giant bubble', saintis tunas, bengkel 'fun with solid, liquid and gas', dan bengkel 'biomass battery'.-Bernama

KERATAN AKHBAR
UTUSAN BORNEO (TEMPATAN) : MUKA SURAT A6
TARIKH: 17 OKTOBER 2015 (SABTU)

MOSTI perkenal program Singgah Sains

► Usaha tingkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Sains

TUARAN: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Pusat Sains Negara (PSN) memperkenalkan program Singgah Sains sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan minat kepada mata pelajaran Sains di kalangan murid-murid sekolah.

Menterinya, Datuk Seri Panglima Madius Tangau berkata program Singgah Sains merupakan program baharu yang diperkenalkan oleh PSN khusus untuk mendekati pelajar sekolah terutamanya di kawasan pedalaman atau luar bandar.

"Menerusi program ini, PSN akan menjalankan aktiviti Sains berbentuk 'hands-on' di sekolah-

sekolah yang terpilih. Aktiviti-aktiviti ini adalah bersesuaian dengan modul pembelajaran sains di peringkat sekolah," katanya ketika merasmikan majlis itu.

Sebanyak sembilan sekolah menerima KIT Pendidikan Pusat Sains Negara yang diserahkan sendiri oleh Madius di Sekolah Kebangsaan Lokos, Tuaran.

KIT Pendidikan PSN itu mengandungi beberapa set modul pendidikan sains seperti bahan uji kaji dan buku panduan yang boleh diperaktikkan oleh guru kepada para pelajar di sekolah.

Penganjuran program Singgah Sains ini juga merupakan salah satu program bagi tujuan mempromosi

PSN SciFest 2015 yang bakal berlangsung pada 12 hingga 15 November ini di IBorneo Mall, Kota Kinabalu, Sabah.

Seluruh warga Sabah dijemput hadir memeriahkannya bagi merasai sendiri keseronokan dunia sains hands-on yang interaktif dan menarik.

Program Singgah Sains juga mendapat kerjasama daripada Kerajaan Negeri Sabah, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Pejabat Pendidikan Daerah Tuaran, Jabatan Penerangan Sabah, RTM Sabah, Jabatan Meteorologi Malaysia, Jabatan Kimia Malaysia dan tuan rumah, Sekolah Kebangsaan Lokos.



MADIUS mencuba sendiri kaedah sains hands-on yang diterapkan dalam program Singgah Sains.

**KERATAN AKHBAR
NEW SABAH TIMES (HOME) : MUKA SURAT 2
TARIKH: 17 OKTOBER 2015 (SABTU)**

Tangau (third left) mingles with students after launching the 'Program Singgah Sains' at Sekolah Kebangsaan Lokos – Bernama Photo



The Science, Technology & Innovation Minister (third right) immersed himself in a science experiment. Also seen is National Science Centre director Anita Bahari (right). – Bernama Photo

Tangau urges students to prepare for era of digital economy

TUARAN: Students must prepare themselves for the era of digital economy, said Science, Technology & Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.

In this regard, he said the

government was aiming towards getting 60 per cent of students in the country to align themselves to science by 2020.

"The government has set this target to achieve Vision

2020; by then, Malaysia would already be a developed nation in science," he told reporters at the Program Singgah Sains' at Sekolah Kebangsaan Lokos near here yesterday.

On the programme, the minister said it was the first to be held in Sabah by the National Science Centre and involved 143 students from nine primary schools here.

"It is to draw the interest of pupils particularly in the rural areas and interior, in science," said Tangau, who is also Tuaran Member of Parliament.

Meanwhile, he said the

ministry had created an application for the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA), through which even overseas customers could purchase relevant local products. – Bernama

**KERATAN AKHBAR
NEW SABAH TIMES (HOME) : MUKA SURAT 12
TARIKH: 17 OKTOBER 2015 (SABTU)**

TUARAN: Komontilian Sains, Teknologi om Inovasi (MOSTI) maza do Hongkod Sains Negara (PSN), popointutun abaabazan Singgah Sains sabaagi iso mantad pinggisonman montok popoingkavas kaanangan kumaa mato balajalan Sains id tatanga do mokiki'ia ngaavi sikul.

"Abaabazan Singgah Sains sabaagi abaabazan kavavagu i pinointutun do PSN, hobi no montok monginsomot do mokiki'ia sikul, hobi no id uvang Sokid toi habus kakadzan."

"Maza abaabazan diti, papapanau o PSN do abaabazan Sains id kavo 'hands-on' id sikul ngaavi di nophi. Abaabazan ngaavi nopo nga misudong miampai modul pambalajalan sains id nazatan sikul," ka di **Datuk Seri Panglima Madius Tangau**, di ontok pinopoimagon abaabazan nokomoi.

Soginumu sizam sikul minonoimo Kit Pambalajalan Hongkod Sains Negara i pinataak sondii di Madius, id Sikul Kebangsaan Lokos, Tuaran, somok doiti.

Kis Pambalajalan PSN diho kisuang piupio set modul pambalajalan sains miag do bakaang ponisan ponoihuan om buuk tonodon i miho maan praktik do mongingia kumaa susumkul ngaavi id sikul.

Pongozuvan do abaabazan Singgah Sains diti noga sabagi iso abaabazan montok tuduvun popointutun do PSN SciFest 2015 i pisosoomo kaanjul ontok ko 12 gisom ko 15 vuhan Koopod om Iso, id 1Borneo Mall, Kota Kinabalu.

Mantad diho, ahpon o savi avi momogun Sabah do mikot poposindak po vagu om momiumon sondii vinasu vinoun sains 'hands-on' i interaktif om kagazat.

Abaabazan Singgah Sains noga nakaanu nogi sokodung mantad Kopolintaan Pogun Sabah, Koupisan Pambalajalan Pogun Sabah, Upis Pambalajalan Uvang Tuaran, Koupisan Kopihaan Sabah, RTM Sabah, Koupisan Meteorologi Malaysia, Koupisan Kimia Malaysia om hamim monompuan dino, Sikul Kebangsaan (SK) Lokos, Tuaran.

Abaabazan Singgah Sains popoingkavas kaanangan doid mato balajalan sains



Madius, kumininam sondii lahan do sains 'hands-on' i pinosuång id abaabazan Singgah Sains,

Susumkul mantad sizam sikul id posohi Tuaran minokigambal miampai di Madius om upisol ngaavi Koupisan Pambalajalan Uvang Tuaean.

KERATAN AKHBAR
SIN CHE DAILY : MUKA SURAT 12
TARIKH: 17 OKTOBER 2015 (SABTU)



●科学、工艺及革新部部长马迪乌斯（左）移交国家科学中心教学手册及指南予斗亚兰洛可斯国小校长乔治。左二起为国家科学中心总监阿妮达巴哈立及沙巴州教育部科学助理总监苏海米末沙。

●体验科学计划首次成功在沙巴斗亚兰落成。（中）
●「杯中烟花」的科学试验，只需一支手电筒即可让杯中的液体产生化学效应。
●马迪乌斯（中）在科学教师的指引下体验科学计划首次成功在沙巴斗亚兰举行。

（斗亚兰讯）科
学、工艺及
革新部透过
国家科学中心
(PSN)首次
在沙巴斗亚兰
内陆区举办
体验科学计
划(Singgah
Sains)，获
得当地9所国
小共143名学
生参加。

这项为期一
天的体验科学计
划于今日早上8时
至下午4时，在斗
亚兰洛可斯国小
(SK. Lokos)举
行，参与学校包
括SK. Lokos, SK
Tomis, SK Tiong
Perungusan, SK
Sinulihan, SK
Taginambur, SK
Giek, SK Wasai,
SK Bongoi及SK
Kelawat。

科学、工艺及
革新部部长拿
督马迪乌斯登机
今日乘坐直升机
亲自返回母校，
为体验科学计划主
持推展礼。体验科
学计划活动包括
大水池、生物电
池工作坊、物体
液体及气体
乐趣、化石乐趣
等。

■下月
科学嘉年华

马迪乌斯在
推展礼后指出，
体验科学计划是
配合于11月12至
15日在亚庇举行
的国家科学中心
科学嘉年华会
(PSN SciFest
2015)其中的活
动之一，旨在让
内陆学生对科学
产生浓厚兴趣，
并从小学开始涉
足理科。

他说，政府
关注60%学生会选
读理科的目标于
2020年成为科技
进步的国家，同
时促进经济电子
化。

因此，他希
望我国学生能作
好准备面对未来
电子化的经济，
逐步开拓全球的
科学工艺。

Teknologi kesihatan perlu dilonjak

MELAKA 16 Okt. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi menggalakkan lebih banyak penyelidikan berkaitan produk dan teknologi dalam pengurusan kesihatan bagi membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan bidang tersebut di negara ini.

Timbalan Menterinya, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, perkara itu perlu dimulakan daripada peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) lagi selain pihak industri sedia ada.

Menurutnya, usaha itu bukan sahaja mampu memberi manfaat kepada pihak penyelidik malah berupaya menyumbang manfaat yang besar kepada masyarakat serta impak positif kepada negara jika berjaya dikomersialkan.

"Kementerian telah menyediakan pelbagai peruntukan terutama melalui *Techno Fund* bagi membantu penyelidik menghasilkan teknologi atau produk dalam industri kesihatan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akbar selepas Majlis Memandatangkan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Utem) dan Hospital Pantai Ayer Keroh di sini hari ini.

Yang hadir sama Naib Canselor Utem, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib; Pengerusi Hospital Pantai, Datuk Khairil Anuar Abdullah; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Utem, Prof. Datuk Dr. Mohamad Razali Muhamad dan Ketua Pegawai Eksekutif Hospital Pantai Ayer Keroh, Micheal E.C. Wong.

Dalam majlis itu, Utem diwakili Shahrin manakala Hospital Pantai Ayer Keroh diwakili Wong.

Mengenai MoU itu, Abu Bakar berkata, ia merupakan contoh ker-



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (tiga dari kiri) dan Khairil Anuar Abdullah (empat dari kanan) menyaksikan Shahrin Sahib (dua dari kiri) dan Micheal E.C. Wong bertukar tukar dokumen MoU di Melaka, semalam. - UTUSAN/AZLI AHAD

jasama terbaik antara pihak universiti dan industri dalam merealisasikan usaha meningkatkan kualiti dan penyampaian sistem kesihatan di negara ini.

Tambah beliau, kerjasama berkenaan yang melibatkan pemindahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan kejuruteraan dalam bidang perubatan mampu ditingkatkan dengan penyelidikan berimpak tinggi.

"Kerjasama ini diharap menjadi perintis kepada universiti lain dan industri perubatan untuk berganding bahu menyediakan sistem pen-

gurusan yang cekap dan berkualiti," ujarnya.

Sementara itu, Shahrin berkata, MoU melibatkan perlisan dikenali sebagai *Smart Ward* itu membantu Hospital Pantai menyediakan sistem pengurusan kesihatan pesakit yang lebih cekap dan dinamik serta bakal diperluaskan ke semua rangkaian Hospital Pantai dan Gleneagles.

"Ini adalah pencapaian terbaru Utem untuk terus menjalin hubungan dengan industri terutama dalam bidang perubatan yang memberi manfaat kepada seluruh warga Utem," katanya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN BORNEO (TEMPATAN) : MUKA SURAT B6
TARIKH: 17 OKTOBER 2015 (SABTU)

Mosti galak penyelidikan dalam bidang pengurusan kesihatan

MELAKA: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) menggalakkan lebih banyak penyelidikan untuk menghasilkan produk atau teknologi dalam bidang pengurusan kesihatan sebagai usaha meningkatkan kualiti dan penyampaian sistem kesihatan di negara ini.

Timbalan Menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata usaha itu perlu diberi penekanan di peringkat universiti atau institusi pengajian tinggi dengan sokongan pihak industri sekali gus memberi impak positif kepada negara.

Beliau berkata produk atau hasil penyelidikan

itu kemudian boleh dikomersilkan untuk manfaat semua pihak termasuk pesakit.

"Mosti menyediakan pelbagai peruntukan bagi membantu penyelidik menghasikan teknologi atau produk dalam industri kesihatan," kataanya kepada pemberita selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Hospital Pantai Ayer Keroh di sini kelmarin.

UTeM diwakili Nائب Canselornya Prof Datuk Dr Shahrin Sahib dan Hospital

Pantai Ayer Keroh oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya Michael E.C Wong yang turut dihadiri Pengurus Hospital Pantai Datuk Khairil Anuar Abdullah.

Abu Bakar berkata kerjasama itu diharap menjadi perintis kepada universiti lain dan industri perubatan untuk berganding bahumenyediakan sistem pengurusan yang cekap dan berkualiti.

Beliau berkata kerjasama antara kedua-dua pihak berkenaan, yang melibatkan pemindahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan kejuruteraan dalam bidang perubatan, dapat dipertingkatkan

menerusi hasil penyelidikan berimpak tinggi.

Sementara itu, Shahrin berkata MoU melibatkan kerjasama melalui perisian dikenali sebagai 'Smart Ward' itu membantu Hospital Pantai menyediakan sistem pengurusan kesihatan pesakit yang lebih cekap dan dinamik.

"Ini adalah pencapaian terbaru bagi UTeM untuk terus menjalin hubungan dengan industri terutama dalam bidang perubatan atau kesihatan yang memberi manfaat kepada warga UTeM," katanya.
- Bernama

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 28
TARIKH: 17 OKTOBER 2015 (SABTU)

RM500,000 biaya projek atasi jerebu

Ayer Keroh: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memperuntukkan RM500,000 menerusi skim dana inovasi (InnoFund) bagi membiayai projek pembangunan dan penambahbaikan peralatan menangani jerebu.

Timbalan Menterinya, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah (**gambar**), berkata pihaknya menggalakkan penyelidik sains mendapatkan geran penyelidikan InnoFund yang mempunyai nilai komersial dan berkepentingan kepada kesejahteraan masyarakat.

Skim InnoFund

"MOSTI menerusi skim InnoFund boleh memanfaatkan pembangunan peralatan baharu untuk menangani jerebu," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, yang meminta penasihat sains dari negara anggota Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) berkongsi kepakaran dalam menangani jerebu yang melanda rantau ini, termasuk Malaysia yang menderita akibat masalah itu sejak 18 tahun lalu, kelmarin.



KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 17 OKTOBER 2015 (SABTU)



Deputy Science, Technology and Innovation Minister **Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** (centre) witnessing the exchange of MoU documents between Universiti Teknikal Malaysia Melaka Vice-Chancellor **Professor Datuk Dr Shahrin Sahib** (left) and Pantai Hospital Ayer Keroh (PHAK) chief executive officer **Michael E.C. Wong** in Malacca yesterday. With them is PHAK chairman **Datuk Khairil Anuar Abdullah**. Pic by Khairunisah Lokman

'Solve haze through innovation'

MALACCA: Researchers here have been called on to come up with new innovations to reduce the impact of haze in the country.

Deputy Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah said the trans-boundary haze, which is a recurring issue in the country yearly, should be solved scientifically through new innovations.

"Local researchers who have the expertise in developing products in the field of environment should not miss the opportunity to apply for InnoFund funding from us."

Under the InnoFund scheme, researchers will be given a quantum of up to RM500,000 for each project for the development or improvement of new or existing products, processes or services with elements of innovation that must have eco-

nomic value and improve the societal wellbeing of the community.

Abu was commenting on the call by Prime Minister Datuk Seri Najib Razak, who urged local and foreign scientists to gather and find solutions to the haze problem, which has plagued the country for 18 years.

Najib also requested science advisers to find ways to prevent peat fires, whether deliberate or due to climate change, as the findings could be raised in the upcoming Asean Summit and Asia-Pacific Economic Cooperation meeting.

Earlier, Abu witnessed the signing of a memorandum of understanding (MoU) between Pantai Hospital Ayer Keroh (PHAK) and Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) in Ayer Keroh, here, yesterday.

The MoU will see UTeM introducing software to the hospital to improve patient management system and reduce the dependency of patients on hospital staffs in the long run.

PHAK chief executive officer Michael E.C. Wong said Pantai Hospital Ayer Keroh would be the pioneer hospital to use the software before it was introduced to 13 other Pantai hospitals nationwide, as well as other Pantai and Gleneagles hospitals worldwide.

UTeM Vice-Chancellor Professor Datuk Dr Shahrin Sahib said the signing of the MoU created new dynamics in the health industry, where technologies produced by universities were being introduced in healthcare institutions to improve the delivery of healthcare services.

KERATAN AKHBAR
NEW SABAH TIMES (HOME) : MUKA SURAT 12
TARIKH: 17 OKTOBER 2015 (SABTU)

Polytechnic KK's winning innovation to showcase in S Korea

KOTA KINABALU: Polytechnic Kota Kinabalu has added another feather to its cap when the winning innovation created by its lecturer Mohd Ismi Aswaly Hanimi has secured a place in the 10th Seoul International Invention Fair (SIIF) 2015 to be held in South Korea on November 25-29.

The winning innovation dubbed the 'PIC18F Microcontroller Trainer' will be showcased along with some 700 exhibitions from 34 other countries worldwide.

Mohd Ismi, an electrical en-

gineering lecturer at the institute, had earlier this month emerged champion with his creation in the "National Innovations Competition on Teaching & Learning in Electrical Engineering" (NICTEE) 2015 held in Polytechnic Merlimau, Melaka.

According to Mohd Ismi, his product was created as part of his teaching and learning aid to assist students to further gain understanding in the subject he teaches through live demonstrations using the trainer.

The decision to make the

product came about when his students showed an alarming passing rate in one of the core subjects in the electrical engineering programme, which involves a high degree of technicalities.

The product has proven to have helped improve the students' understanding and passing rate tremendously as evident from the comparisons made in two semesters' results.

"Based on last June 2014 examination results for subject EC501, 21.9 per cent students have performed poorly in the subject. However, after using the product throughout the December 2014 semester, the results for December 2014 examination was astounding where only five per cent of the students failed the subject. I

am confident the results will further improve for this semester finals," said Mohd Ismi.

For his winning innovation, Mohd Ismi brought home RM1,000 in cash prize and a certificate.

The product is also expected to be used and applied in all polytechnics institute nationwide.

The two-day event saw some 45 contestants mostly lecturers from polytechnics nationwide competing with their best creations and innovations.

Jointly organised by the Polytechnics Education Department and Ministry of Science, Technology & Innovations (MOSTI), the maiden event is aimed as a platform for contestants nationwide to



Dr Abu Bakar being briefed on the winning product by Mohd Ismi share knowledge and skills in creating applications for the benefit of producing highly competitive and skilled graduates.

Deputy Minister of MOSTI Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah officiated the closing ceremony of the two day event.

KERATAN AKHBAR
NEW SABAH TIMES (ABAL KINOIZONON) : MUKA SURAT 17
TARIKH: 17 OKTOBER 2015 (SABTU)

Inovasi mantad Politeknik Kota Kinabalu mongobi' Malaysia kumaa Korea

KOTA KINABALU: Politeknik Kota Kinabalu nokosurat iso' po sinusuyan id kaganaan 'inovasi' soira' asil inovasi di pensyarah dilo' i Mohd. Ismi Aswaly Hanini' noplili' montok tuminanud Pikiikitinan 'Rekacipta' Sompogunau Ko-10 Seoul (SIFF 2015) id Korea do tadau ko 25 gisom ko 29tw Kohopod om Iso' obontol diti.

Asil nimbulayan inovasi i pinungaranan do 'PIC18F Microcontroller Trainer' dilo' pokitanan miampai di lobi 700 inovasi suai mantad 34 pomogunan id polipipu pomogunan.

Nokopogulu, asil inovasi sinupan di Mohd. Ismi i po nogi' Pensyarah Kejuruteraan Elektrikal id Politeknik Kota Kinabalu nosili bontugan di pinialaan 'National Innovations On Teaching and Learning In Electrical Engineering' (NICTEE) 2015 i pinaharai doid Politeknik Merlimau, Melaka di kolimpuun tulan diti.

Soginumu' do 45 tutumanud i kapaampai di pensyarah mantad koinsanai politeknik id Malaysia pinopokoi di sinupuan inovasi dilo' sompoopora id ababayan nokoindalan duo tadau dilo'.

Ka di Mohd. Ismi, asil winonsoi disio dilo' nopo nga' wookon di kakamot ponguhup kumaa sistem pontudukan om pambalajaran mato palajaran potudukan disio i kituduan monguhup di tongo' susumkul mamaratai di potudukon miampai momogune pokiikitinan 'hands-on' i kapaampai di kakamot nokomoi.

Pinoitalang disio do nounsuh isio momonsoi kakamot dilo' montok mongunsuh do naan-

gayan i mato palajaran potudukan disio.
 "Waya' kinosonongan do inovasi diti okito mantad poniisan i nokoindalan id semester Disember 2014 di toun nakatalib.

"Tumanud di koottusan poporisaan koomponok semestiar Jun 2014 montok mato palajaran EC501 (Embedded System Applications), soginumu' do 21.9 pihatus susumkul i noplili."

"Nga' soira' noguno o kakamot diti po' om-pus semester Disember 2014, nokoinawat koottusan kinolulusan miampai kikiiru no do 5 pihatus i noplili," ka disio i monongkutumbaan do koottusan id poporisaan koomponok do dumontol lobi kosenong.

Kinalantaion disio di kaawagu diti nakanpasaga' di Mohd. Ismi ruminamit tutungkap

tusin RM1,000, tusin om setifikit.

Inovasi disio dilo' pikiikiro po nogi' do gunoon id koinsanai politeknik id Malaysia.

NICTEE 2015 i nokoindalan di kaawagu diti i pinisokodungan manganjur do Koupisan Balajaran Politeknik om Komontrian Sains, Teknologi om Inovasi (Mosti) om kumoinans nogi' pohoroo', kituduan poposodia' koiyonon kumas di tongo' tutumanud ngawai' do popoilang koointalangan nogi' komilaan monsupu' kakamot koponudukan om pambalajaran id pinggisaman mongimbulau graduan kikomilaan takawas.

Nokotindapou i Kumoduo Montiri Mosti Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah i pinopoimagon do pinongolimpupusan ababayan nokomoi.

Tongus osiau, rahat momulakun pikiikiro kotilombus gisom tadau Koduo obontol

KUALA LUMPUR: Tongus osiau om rahat momulakun bohogian koiso' id watas kowoiyan Sandakan, Kudat, Tisan Kotonoboi om Pomsokid Sabah nogi' Watas Pisompuruan Labuan pikiikiro kotilombus gisom tadau Koduo diti.

Koupisan Meteorologi Malaysia id iso' koointalangan di konihab minoborus do tongus osiau id siniau pialatan 40 gisom 50 kilometer sanjaam (kmsj) om rahat momulakun miampai lakan kosigampot kinawas gisom 3.5 meter dilo' kopoligogon kumaa buut tongokor'. ababayan pihaahambaan om siopot rahat.

Naamot dilo', tongus osiau barat daya miampai siniau 40 gisom 50kmsj om lakan kisinawat gisom 3.5 meter nga' pikiikiro aantakan id suang timpu di miagal doid kowoiyan Condore, Reef North, Layang-Layang, Palawan, Labuan om Sulu.

Koyuon tongus osiau om rahat momulakun dilo' kopoligogon kumaa tongo' baut tokoro'. -Bernama



NAKANTOI ... I Mohd. Ismi (tanga') ruminamit tutungkap mantad di Dr. Abu Bakar id ababayan NICTEE 2015 di katatalib.

KOPOINTALANGAN ... I Dr. Abu Bakar minokinongko koointalangan nokomoi pomogunaan inovasi dilo' mantad di Mohd. Ismi.

KERATAN AKHBAR
SIN CHEW DAILY : MUKA SURAT 14
TARIKH: 17 OKTOBER 2015 (SABTU)



▲科学、工艺及革新部副部长阿布巴卡（右）颁发奖品予亚庇工艺学院电子工程学讲师伊斯米阿斯瓦里（中）。



（亚庇16日讯）亚庇工艺学院讲师的教学创新作品入选参与第十届首尔国际设计展览，为该院创新领域历史写下新页。

伊斯米阿斯瓦里是亚庇工艺学院电子工程学讲师，其作品《PIC 18F Microcontroller Trainer》将与来自34个国家的700部作品于11月25至29日在韩国首尔一同展出。

■称霸全国电子教学赛

文告指出，该作品曾于本月初在马六甲举行的全国电子工程创新教学比赛中脱颖而出。

伊斯米表示，由于学生在电子工程

工藝學院講師揚威 教學作品韓國展出

◆阿布巴卡（左）在伊斯米的讲解下了解作品构造。

学科目的学术表现欠佳，因此萌起研发有关作品的念头，以协助他们深入理解教学内容，自去年将有关作品融入教学后，学生成绩明显进步。

“在去年年中期考中，21.9%学生在电子工程科目中考获不及格，采用有关作品后，不及格率降至5%，我相信持续使用该作品，学生的成绩将会不断改善。”

伊斯米在有关比赛中获得1千令吉的奖金，其作品同时被应用于全马工艺学院。

这项共有45名来自全马工艺学院的讲师参加的比赛获得科学、工艺及革新部副部长拿督阿布巴卡主持闭幕仪式。

**KERATAN AKHBAR
DAILY EXPRESS (LOCAL) : MUKA SURAT 4
TARIKH: 17 OKTOBER 2015 (SABTU)**

Strong winds, rough seas off west Sabah until Tuesday

KUALA LUMPUR: Category One strong winds and rough seas in the waters off Sandakan, Kudat, West Coast and interiors of Sabah, as well as the Federal Territory of Labuan, is expected to continue until Tuesday (Oct 20).

The Meteorology Department, in a statement Friday, said strong winds of between 40 and 50 kilometre per hour (kmph) and strong waves as high as 3.5 metres are dangerous to small boats, sea recreational activities and sports.

Meanwhile, strong south-westerly winds of up to 50kmph with waves as high as 3.5 metres is also expected during the same period in the waters off Condore, Reef North, Layang-Layang, Palawan, Labuan and Sulu.

Such a weather condition is dangerous to small boats.

Today's Weather Forecast



TEMP: 25-33

AM: Isolated rain over Labuan, Interior, West Coast and Kudat.

PM: Isolated rain over West Coast and Sandakan.

NIGHT: Isolated rain over Labuan, Kudat, West Coast and Interior.

Wind Conditions

South China Sea: Southwest 40/50

Sulu Sea: Southwest 40/50

Wave Conditions

South China Sea: 2.5-3.5m

Sulu Sea: 2.5-3.5m

Source:
Metorological Services Department

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 28
TARIKH: 17 OKTOBER 2015 (SABTU)

Peralihan monsun bantu pulihkan cuaca

Kuala Lumpur: Jerebu berulang tidak akan melanda negara berikutan musim terakhir peralihan monsun dialami ketika ini.

Pegawai Meteorologi Bahagian Khidmat Korporat dan Komersial Jabatan Meteorologi, Ambun Dindang, berkata kualiti udara yang semakin pulih berikutan peralihan angin timur laut, menolak jerebu ke barat daya.

Bagaimanapun, katanya, ia bergantung kepada keadaan di Indonesia.

Kualiti udara tahap baik

“Status kualiti udara buat masa ini berada pada tahap baik dan jerebu dijangka tidak kembali, bergantung kepada jumlah titik panas di Kalimantan dan Sumatera, Indonesia,” katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Alui Bahari, berkata negara masih dipengaruhi pencemaran jerebu akibat asap yang terawang di udara dan dijangka pulih sepuhnya awal November.

Katanya, tinjauan mendapati cuaca diramalkan baik di kebanyakan tempat di seluruh negara, terutama pada waktu pagi.

“Bagaimanapun, hujan dan ribut petir pada sebelah petang membawa sekali debu jerebu, menyebabkan suasana lebih baik sejak beberapa hari lalu,” katanya.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 17 OKTOBER 2015 (SABTU)



MIMOS Cadang Kerajaan Bangunkan Pangkalan Data Maya Khas Untuk Wanita

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) mencadangkan agar kerajaan membangunkan sebuah pangkalan data maya yang mengandungi pelbagai maklumat untuk dimanfaatkan golongan wanita di negara ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Abdul Wahab Abdullah berkata pangkalan data yang dibangunkan MIMOS itu khusus untuk memudahkan golongan wanita menggunakan teknologi secara bijak sekali gus memudahkan capaian maklumat secara atas talian.

"Pangkalan data ini adalah enjin (carian) yang membolehkan pengguna (wanita) mendapat maklumat secara khusus mengenai perkara-perkara seperti statistik golongan ibu tunggal, golongan kurang berasib baik, peluang perniagaan dan sebagainya.

"Jika sebelum ini mereka terpaksa menggunakan Google, cariannya lebih meluas dan kadangkala tidak mencapai apa dikehendaki secara tepat," katanya kepada pemberita selepas sesi plenari sempena Persidangan ASEAN mengenai Wanita dalam Politik (ASEAN WIP KL2015) di sini, hari ini.

ASEAN WIP KL2015 adalah persidangan antarabangsa anjuran Wanita Barisan Nasional, berkaitan wanita dalam politik, yang diadakan buat julung kali dengan dihadiri 121 delegasi daripada 24 parti politik di rantau ini.

Abdul Wahab merupakan panel bagi sesi plenari bertajuk 'Digital Inclusion: Challenges and Opportunities'.

Terdahulu semasa sesi plenari beliau berkata penyertaan digital merupakan pengupayaan rakyat melalui teknologi maklumat dan komunikasi.

"Pemimpin wanita perlu memimpin dan penyertaan digital telah digunakan secara spesifik untuk menyelesaikan isu seperti peluang, capaian, ilmu dan kemahiran pada peringkat dasar.

"Ia merupakan rangka kerja yang diperlukan untuk capaian, penilaian, pertimbangan kesediaan masyarakat menyediakan capaian kepada peluang dalam era digital," kata Abdul Wahab.

BERITA ONLINE

BERNAMA.COM

TARIKH: 17 OKTOBER 2015 (SABTU)



Jabatan Kimia Malaysia Sahkan Mayat Ika Dan Rangka Juvina

KOTA BAHARU, 16 Okt (Bernama) -- **Jabatan Kimia Malaysia** mengesahkan identiti dua lagi mayat kanak-kanak yang hilang di Gua Musang Ogos lepas, adalah Ika Ayel, 9, dan Juvina David, 7.

Ketua Polis Kelantan Datuk Mazlan Lazim berkata mayat kedua-dua murid Sekolah Kebangsaan (SK) Pos Tohoi itu disahkan identiti mereka melalui ujian DNA yang dilakukan oleh ahli kimia jabatan berkenaan, Nor Aidora Saedon.

"Spesimen yang diambil daripada satu mayat adalah Ika iaitu anak kandung kepada pasangan Nora Tegau dan Ayel Ajeb.

"Sementara, spesimen diambil daripada rangka adalah Juvina, anak kandung kepada pasangan Sheila Omar dan David Kuasan," katanya pada sidang media mengenai keputusan ujian DNA OPS Tohoi 07, di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan di sini, hari ini.

Mazlan berkata keputusan ujian DNA itu akan dimaklumkan segera kepada keluarga kanak-kanak terbabit, bagi membolehkan proses pengebumian dilaksanakan.

Beliau berkata keputusan ujian DNA bagi satu lagi mayat dan satu rangka masih belum diperoleh daripada Jabatan Kimia Malaysia di Petaling Jaya, Selangor, dan dijangka diketahui minggu depan.

Pada 23 Ogos lepas, tujuh murid Orang Asli SK Pos Tohoi dilapor melarikan diri dari asrama sekolah berkenaan kerana takut dikenakan tindakan oleh guru kerana mandi di sungai berdekatan tanpa kebenaran.

Mereka ialah Juvina David, 7; Linda Rosli, 8; Sasa Sobrie, 8; Ika Ayel, 9; Haikal Yaakob, 8; Norieen Yaakob, 10, dan Meksudiar Aluj, 11; - berasal dari Kampung Gawin dan Penad.

Setelah 50 hari hilang, Meksudiar dan Norieen ditemui selamat manakala pihak berkuasa turut menemui dua mayat dan dua rangka kanak-kanak pada awal bulan ini.

Seorang lagi mangsa daripada kumpulan kanak-kanak itu masih hilang dan misi pencarian masih diteruskan.

Mazlan berkata pasukan mencari kini memberi tumpuan untuk mencari seorang lagi kanak-kanak berkenaan dengan memperluaskan kawasan pencarian dari Sungai Perias di Pos Tohoi hingga ke Sungai Nenggiri juga di Gua Musang.

Katanya polis juga akan cuba mendapatkan rakaman percakapan berhubung kejadian itu, daripada Meksudiar dan Norieen, yang kini menerima rawatan di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII) di sini.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 10
TARIKH : 17 OKTOBER 2015 (SABTU)

Keputusan DNA sahkan mayat, rangka milik Ika, Juvina

Penantian 53 hari berakhir - Polis

Oleh SITI NURAZLINA
JAMALUDIN
utusan@kelantan@utusan.com.my

■ KOTA BHARU 16 OKT.

PENANTIAN dua keluarga daripada tujuh murid Sekolah Kebangsaan (SK) Tohoi, Gua Musang yang hilang sejak 23 Ogos lalu berakhir hari ini apabila keputusan ujian asid deoksiribonukleik (DNA) mengesahkan mayat dan rangka manusia yang ditemukan pada minggu lalu adalah Ika Ayel, 9, dan Juvina David, 7.

Ketua Polis negeri, Datuk Mazlan Lazim berkata, spesimen yang diambil daripada mayat yang ditemukan pada 9 Oktober lalu itu adalah anak kandung kepada Ayel Ajib dan Nora Tegau dengan keberangkalian 99.99 peratus iaitu Ika.


"Rangka terakhir yang dijumpai kira-kira 10 meter dari lokasi dua kanak-kanak Orang Asli yang ditemukan selamat pada 10 Oktober lalu itu adalah Juvina, anak kepada pasangan David Kuasan dan Sheila Omar.

"Kita akan maklumkan keputusan yang diperoleh daripada Jabatan Kimia kepada keluarga mangsa bagi membolehkan mereka menuntut mayat untuk proses pengebumian," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Mazlan memberitahu, pihaknya bagaimanapun belum menerima keputusan ujian DNA untuk mayat dan rangka manusia yang ditemukan pada 7 dan 8 Oktober lalu.

"Keputusan DNA untuk mayat pertama ditemukan tersangkut di ranting pokok yang dipercayai Sasa Sobrie, 8, dan satu lagi rangka manusia dijangka keluar pada minggu depan.

"Pada masa sama, kita masih meneruskan pencarian bersendirian. Kita akan dapatkan maklumat terperinci dan tepat



MAZLAN LAZIM menunjukkan laporan awal keputusan DNA yang mengesahkan mayat Ika Ayel dan Juvina David dalam sidang akbar di Kota Bharu, Kelantan, semalam. - UTUSAN/ROSNI MASRI



IKA AYEL



JUVINA DAVID

di sekitar Sungai Perias dan Sungai Nenggiri, Gua Musang," ujarnya.

Dalam pada itu, Mazlan berkata, pihaknya dijangka mengambil keterangan daripada dua kanak-kanak yang ditemukan selamat iaitu Norieen Yaacob, 10, dan Mirsudiar Aluj, 11, Ahad ini.

"Kita akan cuba untuk mendapatkan keterangan mereka Ahad ini namun bergantung atas nasihat doktor. Kalau pihak doktor kata 'ok', kita akan ambil keterangan awal supaya kejadian sebenar boleh diketahui.

"Sebelum ini, kita temubual mereka sahaja tetapi kali ini kena rakam keterangan mereka secara



Kita akan maklumkan keputusan yang diperoleh daripada Jabatan Kimia kepada keluarga mangsa bagi membolehkan mereka menuntut mayat untuk proses pengebumian."

MAZLAN LAZIM
Ketua Polis Negeri Kelantan

supaya kenyataan mereka tidak dipengaruhi sesiapa.

"Bagaimanapun, jurubahasa akan digunakan untuk memudahkan proses tersebut. Bagaimanapun, dalam kes ini kita dapatti tiada unsur-unsur jenayah berlaku," katanya.

DNA tests confirm body, skeletal remains belong to Ika and Juvina

KOTA BAHARU: One of the two skeletal remains found during the search for the missing seven Orang Asli pupils in Pos Tohoi, Gua Musang early this month, has been confirmed as belonging to seven-year-old Juvina David and one of the two bodies, is of nine-year-old Ika Ayel.

Kelantan Police chief Datuk Mazlan Lazim said it was confirmed through a DNA (Deoxyribonucleic acid) test conducted by Chemistry Department's chemist Nor Aidora Saedon on specimens taken from the skeletal remains and the body.

"The specimen taken from the body confirmed that it is Ika, the biological daughter of Nora Tegau and Ayel Ajeb.

"And the specimen from the

skeletal remains confirmed that it is indeed Juvina, the biological daughter of Shela Omar and David Kuasan," he told a press conference on the DNA test results at the Kelantan Police Contingent headquarters here yesterday.

He said the results for the DNA test on another body and skeletal remains, also found during the search, were expected to be known next week.

The seven pupils of SK Tohoi went missing in the thick jungle after they escaped from the school's hostel for fear of punishment after they went for a swim in a river without permission on Aug 23.

They were Juvina, Ika, Linda Rosli, 8; Sasa Sobrie, 8; Haikal Yaakob, 8; Norieen

Yaakob, 10; and Miksudiar Aluj, 11.

Miksudiar and Norieen were found safe after the search operation entered the 48th day. The search and rescue team also found two bodies and two skeletal remains of children.

Mazlan said efforts were being intensified and the search area had also been expanded from Sungai Perias in Pos Tohoi to Sungai Neggiri in Gua Musang to find one more pupil who was still unaccounted for.

He said police would also try to record statement on the incident from Miksudiar and Norieen, who are currently receiving treatment at the Raja Perempuan Zainab II Hospital here. — Bernama

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 17 OKTOBER 2015 (SABTU)



Myvi Kuning Dan Pajero Berlanggar Secara Bergeser - Ahli Kimia

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Mahkamah Trafik di sini diberitahu kemalangan tragis di Lebuhraya Duta-Ulu Klang (DUKE) yang meragut nyawa tiga beranak, Mei lepas berlaku melalui pergeseran antara Myvi kuning dipandu tertuduh dan Pajero mangsa.

Ahli Kimia Jabatan Kimia Malaysia, Mohd Amir Husna Nik Ali@Zulkifli berkata pelanggaran itu membabitkan sisi kanan Pajero dan sisi kiri Myvi kuning.

"Cara pelanggaran yang saya maksudkan (dalam gambar rajah yang ditunjukkan pada mahkamah) ialah sisi kanan Pajero di bahagian tengah dan sisi kiri bahagian hadapan Myvi kuning telah berlanggar secara sebelah-menyebelah atau bergeser," katanya ketika pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya Suhaimi Ibrahim.

Beliau berkata demikian pada perbicaraan dua pemandu Myvi, Siti Noor Aini Mohd Said, 36, dan Mohammad Fizal Reza Jamauddin, 31, yang didakwa memandu secara berbahaya kepada orang awam dan menyebabkan kematian Fairuz Nizam Husain, 35, dan isterinya Nova Safitri Azhari, 27, serta bayi mereka, Nur Firuza Annisa, enam bulan.

Siti Noor Aini dan Mohammad Fizal Reza didakwa melakukan kesalahan itu di Km6 Lebuhraya DUKE dari arah Ulu Klang menghala Jalan Duta antara 12.31 tengah malam hingga 12.35 tengah malam pada 2 Mei lepas.

Mohd Amir Husna merupakan saksi kelima yang dipanggil memberi keterangan pada perbicaraan yang masuk hari keenam, hari ini.

Beliau yang berkhidmat selama 12 tahun di jabatan itu bertanggungjawab menyiasat tragedi berkenaan dan membuat laporan serta lakaran gambar rajah awal kemalangan yang berlaku.

Beliau memberitahu, laporan yang disiapkan itu diserahkan kepada pegawai penyiasat kes pada 20 Mei lalu.

Terdahulu kepada soalan Suhaimi mengenai adakah beliau boleh menentukan pelanggaran manakah yang berlaku terlebih dahulu, Mohd Amin Husna berkata tidak boleh.

"Berdasarkan pemeriksaan, saya tidak dapat menentukan antara kedua-dua pelanggaran ini, yang mana satu berlaku terlebih dahulu," katanya.

Saksi itu berkata kebiasaannya beliau menentukan pelanggaran pertama berdasarkan pemeriksaan dan pemerhatian kepada kesan kerosakan (pada kenderaan) seperti kesan geseran dan kesan impak paling kuat yang biasanya menunjukkan kesan pelanggaran pertama.

Pada perbicaraan hari ini Mohammad Fizal Reza diwakili peguam S.N. Seelan manakala Siti Noor Aini diwakili peguam Omar Bakhi Ahmad.

Peguam pemerhati C. Leo Camoens turut hadir mewakili keluarga mangsa.

Perbicaraan di hadapan Majistret Zilfinaz Abbas bersambung pada 7 Dis.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 29
TARIKH : 17 OKTOBER 2015 (SABTU)

Tidak berlaku hentaman dari belakang - Ahli kimia

KUALA LUMPUR 16 Okt. - Seorang ahli kimia memberitahu Mahkamah Majistret di sini hari ini bahawa tidak berlaku hentaman dari belakang antara kereta pacuan empat roda Pajero dan Perodua Myvi yang terlibat dalam nahas yang mengorbankan tiga beranak di lebuh raya Duta-Ulu Klang (DUKE), Mei lalu.

Sebaliknya, Mohd. Amir Husna Nik Alli @ Zulkifli, 39, dari **Jabatan Kimia** berkata, sisi kanan Pajero dan sisi kiri bahagian Perodua Myvi berlanggar secara geseran.

Menjawab soalan pihak pendakwaan, beliau memberitahu, berdasarkan lakaran gambar rajah, titik pelanggaran antara kedua-dua kenderaan itu berlaku geseran secara bersebelahan, iaitu di hujung pengadang (fender) Perodua Myvi kuning berkenaan.

Namun Mohd. Amir Husna berkata, dua pelanggaran berlaku dalam nahas itu yang menyebabkan kereta pacuan empat roda itu terbalik bagaimanapun beliau tidak dapat memastikan pelanggaran mana yang berlaku dahulu.

Merujuk kepada gambar rajah yang dikemukakan di mahkamah, ketika diminta untuk menunjukkan pelanggaran yang mana berlaku pertama dan disusuli dengan pelanggaran kedua, saksi itu memberitahu, secara saintifiknya beliau tidak dapat memberi sebarang jawapan yang tepat.

"Secara logiknya, sukar untuk memberitahu, yang mana satu pelanggaran pertama," kata saksi pendakwaan kelima itu ketika memberi keterangan pada hari perbicaraan yang masuk hari keenam



SITI NOOR AINI MOHD. SAID

hari ini.

Dalam kes itu, juruteknik komputer, Mohamad Fizal Reza Jamauddin, 31, dan Penolong Pengurus restoran, Siti Noor Aini Mohd. Said, 35, dibicarakan atas tuduhan memandu secara berbahaya sehingga menyebabkan kematian Fairuz Nizam Husain, 35; isterinya, Nova Safitri Azhari, 25, serta bayi mereka yang berusia enam bulan, Nur Firuza Annisa.

Mohamad Fizal Reza yang memandu kereta Perodua Myvi putih dan Siti Noor Aini memandu kereta jenis sama warna kuning didakwa melakukan perbuatan itu di antara pukul 12.31 tengah malam dan 1.05

MOHAMAD FIZAL REZA JAMAUDDIN

pagi, 2 Mei lalu di Kilometer 6, DUKE dari arah Ulu Klang ke Jalan Dutta di sini.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun dan denda maksimum RM20,000 jika sabit kesalahan. Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya, Suhaimi Ibrahim dan Nadiah Malek Fauzi manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam-pegawai Omar Bakhi Ahmad dan S.N. Seelan. Perbicaraan di hadapan Majistret Zilfinaz Abbas bersambung selama lima hari bermula 7 Disember ini.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 17 OKTOBER 2015 (SABTU)



Malaysia Boleh Tarik Diri Jika 'Kurang Selesa' Dengan TPPA - Mustapa

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Malaysia boleh menarik diri daripada Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) pada bila-bila masa, walaupun selepas pelaksanaannya, jika berasa 'kurang selesa', kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Beliau berkata Malaysia juga tidak akan dikenakan denda atau penalti jika menarik diri daripada perjanjian itu kerana TPPA adalah perjanjian sukarela.

"Bagaimanapun, sekiranya kita menarik diri, kita akan menjadi kurang kompetitif berbanding negara-negara ahli yang lain," katanya pada sesi #TanyaGomen di sini, hari ini.

Beliau berkata TPPA akan dibentangkan dan dibahaskan di Parlimen serta hanya ditandatangani sekiranya mendapat persetujuan Parlimen.

Jika ditandatangani, TPPA perlu melalui proses ratifikasi selama dua tahun yang akan melibatkan penggubalan dan pindaan undang-undang untuk diselaraskan dengan TPPA, dan jika undang-undang yang dibentang tidak dipersetujui oleh Parlimen, Malaysia boleh membatalkan perjanjian, katanya.

Mustapa juga berkata kandungan TPPA akan didedahkan kepada umum dalam tempoh beberapa minggu lagi bagi memastikan masyarakat mendapat gambaran sebenar perjanjian.

Beliau turut memberi jaminan pelaksanaan TPPA tidak akan menyebabkan kemasukan barang bawah piawaian ke Malaysia.

"Kita ada dasar-dasar negara, kita ada **SIRIM** untuk memastikan barang-barang yang diimport mengikuti piawaian. Dasar-dasar ini akan diteruskan," katanya yang menambah jika perkara seumpama berlaku, ia disebabkan penguatkuasaan tidak berkesan.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM

TARIKH: 17 OKTOBER 2015 (SABTU)



Angin Kencang, Laut Bergelora Berterusan Sehingga Selasa



Gambar Hiasan

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora kategori pertama di kawasan perairan Sandakan, Kudat, Pantai Barat dan Pedalaman Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan diramal berterusan sehingga Selasa ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan hari ini berkata angin kencang pada kelajuan antara 40 hingga 50 kilometer sejam (kmsj) dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter itu berbahaya kepada bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Sementara itu, angin kencang barat daya dengan kelajuan 40 hingga 50kmsj dengan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter juga dijangka berlaku dalam tempoh sama di perairan Condore, Reef North, Layang-Layang, Palawan, Labuan dan Sulu.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada bot-bot kecil.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM

TARIKH: 17 OKTOBER 2015 (SABTU)



Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora - Jabatan Meteorologi

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- **Jabatan Meteorologi Malaysia** hari ini mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora kategori satu di kawasan perairan Sandakan, Kudat, pantai timur dan pedalaman Sabah.

Keadaan itu dijangka berterusan sehingga Khamis 22 Okt ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan hari ini, angin barat daya bertiup kencang pada kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam dan ombak setinggi 3.5 meter.

"Keadaan ini adalah berbahaya untuk bot kecil, aktiviti rekreasi laut dan sukan laut," tambah kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi, keadaan sama juga dijangka berlaku di perairan Condore, Reef North, Layang-layang dan Sulu.

-- BERNAMA